

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- a) Adakah Kerajaan bersedia menerima input daripada badan bebas untuk mengaudit persempadanan semula kawasan Parlimen dan DUN yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR); dan
- b) Adakah Kerajaan akan memperkenalkan semula kuota Bandar/luar Bandar dan jumlah saiz penduduk dalam kawasan pilihan raya.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa SPR yang diperuntukkan bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut peruntukan Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, jika SPR telah memutuskan untuk membuat syor di bawah Fasal (2), Perkara 113 berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya, SPR akan memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Syor Kajian Semula Persempadanan tersebut akan dipamerkan selama satu bulan di tempat-tempat yang telah dinyatakan di dalam notis yang diwarta untuk semakan dan bantahan dibuat oleh pihak-pihak yang dibenarkan oleh Perlembagaan. Pihak-pihak ini adalah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau sekumpulan pemilih berdaftar 100 orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan.

Sehubungan dengan itu, tidak wujud keperluan untuk badan bebas mengaudit Kajian Semula Persempadanan yang disediakan kerana cadangan persempadanan SPR dipamerkan selama sebulan di seluruh negara untuk semakan dan bantahan, serta cadangan tersebut juga akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk kelulusan atau sebaliknya.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv) Memelihara hubungan tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung di dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya. Oleh itu, prinsip-prinsip persempadanan tersebut akan diguna pakai semasa urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saiz sesuatu bahagian pilihan raya tidak dapat diseimbangkan dengan bilangan pemilih. Ini disebabkan oleh faktor geografi dan keadaan bentuk muka bumi yang berbeza, faktor kepadatan penduduk serta faktor kemudahan pentadbiran dalam sesebuah kawasan/tempat. Pada amnya, kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat, saiznya lebih kecil serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil, bertaburan dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Sekian. Terima kasih.